



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR
Ministry of Environment and Water
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

STATUS KUALITI UDARA DALAM NEGARA – SRI AMAN CATAT BACAAN KUALITI UDARA TIDAK SIHAT

12 OGOS 2022, PUTRAJAYA - Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada hari ini **jam 9 pagi** melalui Air Pollutant Index of Malaysia (APIMS) di laman http://apims.doe.gov.my/public_v2/home.html menunjukkan:

- i. 12 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik;
- ii. 55 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana; dan
- iii. **1 kawasan mencatatkan bacaan tidak sihat iaitu di Sri Aman, Sarawak.**

Berdasarkan pemantauan JAS di stesen Sri Aman, Sarawak bacaan yang tidak sihat dicatatkan pada pagi ini adalah **disebabkan oleh pembakaran terbuka di kawasan pertanian berhampiran dengan stesen tersebut.**

Merujuk kepada Iporan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) pada 11 Ogos 2022, bilangan titik panas (hotspot) yang dikesan melalui imej satelit National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 20 terdapat sebanyak **6 titik panas** (hotspot) dikesan dalam negara iaitu **2 di Pahang, 1 di Perak dan 3 di Sarawak**. Titik panas yang dikesan akan disiasat dibawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Selain itu, terdapat 97 titik panas dikesan di Kalimantan dan 70 titik panas dikesan di Sumatera, Indonesia.

Peta jerebu serantau yang ditunjukkan oleh ASMC (<http://asmc.asean.org/home/>) menunjukkan bahawa jerebu asap sederhana diperhatikan di sekitar gugusan titik panas yang dikesan di Kalimantan Barat dan Sarawak.

Monsun Barat Daya telah bermula pada 14 Mei 2022 dan dijangka berterusan sehingga pertengahan September 2022. Semasa Monsun Barat Daya, lazimnya angin bertiup

secara konsisten dari arah barat daya dengan kelembapan udara yang lebih rendah dan keadaan atmosfera yang lebih stabil. Ini menyebabkan kurangnya pembentukan awan hujan sepanjang tempoh ini. Sehubungan itu, kebanyakan tempat di seluruh negara akan mengalami bilangan hari tanpa hujan lebih banyak berbanding musim lain dan menyebabkan taburan hujan yang rendah.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Bagi penduduk berhampiran kawasan yang IPU melebihi 150, mereka **dinasihatkan mengurangkan aktiviti di luar rumah/bangunan** dan jika perlu berada di luar rumah/bangunan maka dinasihatka untuk memakai pelitup muka.

Semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka terutama di kawasan tanah gambut, tapak pelupusan sampah atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan **denda maksimum RM500,000 atau penjara selama tempoh maksimum 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.**

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol **1-800-88-2727** atau melalui eAduan di laman sesawang <https://eaduan.doe.gov.my>.


-TAMAT-

WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Dikeluarkan pada 12 Ogos 2022

PETA JEREBU SERANTAU 11 OGOS 2022



Latest Weather and Haze Situation

It was dry over most parts of the southern ASEAN region except for isolated showers observed in Sulawesi and Java as well as the northern parts of Borneo. Scattered hotspots were detected in West Kalimantan and Sumatra while isolated hotspots were detected in Peninsular Malaysia, Java and Sarawak. Based on the latest satellite imagery, moderate smoke haze was observed in the vicinity of hotspot clusters detected in West Kalimantan. Localised smoke plumes were also observed to emanate from hotspots detected in Sarawak. In the northern ASEAN region, shower activities kept the hotspot situation subdued.

Updated 5:42 PM 11 Aug

Weather and Haze Outlook

An increase in shower activities are forecast over most parts of the ASEAN region in the coming days which should help to alleviate the hotspot and smoke haze situation there. Drier conditions are forecast over Peninsular Malaysia, the northern parts of Sumatra and the eastern parts of Borneo. Hotspots and smoke plumes may develop over the fire-prone areas in the southern ASEAN region during dry periods. The prevailing winds over areas north of the Equator are forecast to blow from the south or southwest while the prevailing winds over areas south of the Equator are forecast to blow from the east or southeast.

Updated 5:44 PM 11 Aug

KM JAS 12/2022
UNTUK SIARAN SEGERA 12 OGOS 2022